

Sel. P.U. 27.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

**UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN)
(MAJLIS PERBANDARAN KLANG) JALAN, PARIT DAN BANGUNAN
(PINDAAN) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Klang) Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2007**.

Pindaan peruntukan memperbuat undang-undang

2. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Klang) Jalan, Parit dan Bangunan 2005 [Sel. P.U. 42/05] yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini dipinda dalam peruntukan memperbaut undang-undang dengan menggantikan perkataan “Majlis Perbandaran Klang membuat, dan Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan” dengan perkataan “Pihak Berkuasa Negeri membuat”.

Pindaan undang-undang kecil 4

3. Undang-undang kecil 4(2) Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong perkataan “dengan keizinan Pendakwa Raya”.

Pindaan Jadual Pertama

4. Jadual Pertama Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

 - (a) dalam perenggan yang bermula dengan perkataan “Seksyen-seksyen—9(9),”, dengan memotong perkataan “70(11), 70(12),”;
 - (b) dalam perenggan yang bermula dengan perkataan “Seksyen-seksyen—70(13),”, dengan memotong perkataan “70(13),”;
 - (c) dengan memasukkan sebelum perenggan yang bermula dengan perkataan “Seksyen—70A(9)” perenggan yang berikut:

“Seksyen-seksyen—70(11) dan 70(12) Tidak melebihi RM12,500.00”;

- (d) dalam perenggan yang bermula dengan perkataan “Seksyen—70A(9)”, dengan menggantikan perkataan “Seksyen—70A(9)” dengan perkataan “Seksyen-seksyen—70A(9) dan 70(13)”;



MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

MAKLUMAN

SALINAN TERKAWAL DOKUMEN PERUNDANGAN

Untuk makluman, dokumen perundangan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) merupakan salinan terkawal yang memerlukan kelulusan Pegawai Maklumat MBDK sebelum diberikan kepada orang awam menurut Enakmen Kekebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011.

Sebarang permohonan dokumen perundangan, sila rujuk butiran berikut:

Nombor Telefon

03-3375 8077 atau 03-3375 8032

Email

undang-undang@mbdk.gov.my

Sekian, terima kasih.

Jabatan Undang-Undang
Majlis Bandaraya Diraja Klang



www.mbdk.gov.my



Majlis Bandaraya Diraja Klang



MBDKlang



mbdklang_official



mbdklang_official